

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-26

Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong.

Kuliah Maghrib kali ke-110

KULIT PERTAMA – iaitu anda mengucapkan dengan lisan “Laa Ilaaha illAllaah”.

Ini dinamakan tauhid melawan tatslits (kepercayaan triniti) yang ditegaskan oleh orang Nasrani. Tetapi ucapan tersebut kadang-kadang datang dari orang munafik, yang berlawanan batinnya dengan zahirnya.

KULIT KEDUA - Iaitu tidak ada dalam hati (apa-apa) yang menyalahi dan berlawanan dengan pengertian ucapan tadi. Bahkan yang zahir dari hati melengkapi kepada aqidahnya. Dan demikian juga membenarkannya. Iaitu tauhid orang awam. Dan para ahli ilmu kalam sebagaimana yang diterangkan dahulu adalah penjaga kulit ini daripada gangguan golongan bid'ah.

YANG KETIGA IAITU ISI – Bahawa ia melihat keadaan seluruhnya daripada Allah Ta’ala dengan tidak menoleh kepada perantaraan, dan ia berabdi kepada-Nya dengan ibadah yang tunggal kepada-Nya. Tidak ia berabdi yang lain.

Dan keluarlah dari tauhid ini orang-orang yang menuruti hawa nafsu. Maka setiap orang yang mengikuti hawa nafsunya, (sesungguhnya) dia telah mengambil hawa nafsunya menjadi Tuhaninya.

“Adakah engkau melihat orang yang mengambil hawa nafsunya menjadi Tuhaninya?” (Al-Jathiyah : 23)

“Tuhan yang disembah di bumi, yang sangat dimarahi oleh Allah Ta’ala ialah hawa nafsu.” (Thabrani, dengan isnad dhaif)

Dan di atas yang sebenarnya, barang siapa memerhatikan, tentu mengerti bahawa penyembah berhala sebenarnya tidaklah ia menyembah berhala, tetapi ia menyembah hawa nafsunya, kerana nafsunya itu condong kepada agama nenek moyangnya lalu ia mengikuti kecondongan itu. Dan kecondongan nafsu kepada kebiasaan-kebiasaan adalah salah satu pengertian.

Dan keluarlah dari tauhid ini, (sikap) menaruh kemarahan kepada makhluk dan berpaling kepada mereka. Maka orang yang melihat seluruhnya berasal daripada Allah Ta’ala, bagaimana akan marah kepada yang lain? Dari itu, tauhid adalah ibarat dari tingkat ini, iaitu tingkat orang-orang siddiq.

Dari itu perhatikanlah, ke mana diputarkan erti tauhid dan kulit mana yang dirasa puas. Hal ini seumpama kosongnya orang yang pagi-pagi benar sudah menghadap qiblat dan membaca : *“Aku menghadapkan wajahku kepada Yang Menjadikan langit dan bumi, aku memeluk agama yang benar...”*

Dan itu adalah permulaan pendustaan dia menghadap Allah setiap hari sekiranya wajah hatinya tidak menghadap Allah Ta’ala secara khusus.

Sesungguhnya jika maksudnya dengan “wajah” itu ialah wajah secara zahir, maka adalah tujuannya ke Ka’abah dan tidak menuju ke lain jurusan.

Ka’abah tidaklah menjadi pihak bagi Allah yang menjadikan langit dan bumi, sehingga orang yang menghadap ke Ka’abah bererti menghadap kepada Allah Ta’ala. Maha Suci Allah daripada berpihak dan berdaerah.

Sekiranya maksud “wajah” itu ialah “wajah hati” dan memang itulah yang dimaksudkan oleh setiap orang yang beribadah, maka bagaimanakah dapat dibenarkan ucapannya sedangkan hatinya bolak-balik kepada kepentingan dan keperluan dunia winya? Dan mencari daya upaya mengumpulkan harta, kemegahan dan memperbanyak sebab-sebab dan perhatian seluruhnya untuk yang demikian.

Maka bilakah ia menghadapkan “wajahnya” kepada Allah yang menjadikan langit dan bumi?

Perkataan ini adalah menerangkan hakikat tauhid. Seorang yang bertauhid, ia tidak melihat melainkan Yang Esa dan tidak menghadapkan wajahnya melainkan kepada Yang Esa itu.

ZIKIR DAN TAZKIR

“Berilah peringatan kerana peringatan itu berguna bagi orang-orang beriman.” (Az-Zariyat : 55)

“Apabila kamu melalui kebun syurga, bersenang-senanglah di dalamnya.”

“Manakah kebun syurga itu?” tanya yang hadir.

“Majlid-majlis zikir.” (Turmizi)

“Allah Ta’ala mempunyai banyak malaikat yang mengembara dalam dunia selain para malaikat yang ada hubungan dengan makhluk. Apabila mereka melihat majlis zikir, lalu mereka saling panggil-memanggil satu sama lain, dengan mengatakan : “Pergilah kepada kesayangan masing-masing.” Lalu pergilah mereka mengelilingi dan mendengar. Dari itu, berzikirlah kepada Allah dan peringatilah dirimu sendiri.” (Bukhari Muslim)

ISI-ISI PENTING KULIAH KALI INI

Apakah 2 kulit tauhid?

1. Mengucapkan “Laa Ilaaha illAllaah.”
2. Hatinya beradab dengan ucapan “Laa Ilaaha illAllaah” tadi.

Apakah isi tauhid?

‘Melihat’ semuanya datang daripada Allah. Di sebut juga sebagai memandang hakikat. Inilah ilmu hakikat yang disebut Imam Al-Ghazali sebagai hakikat tauhid.

Apakah kaitan antara hawa nafsu dengan aqidah?

Orang-orang yang mengikut hawa nafsunya, sebenarnya sedang berTuhankan hawa nafsunya.

Orang-orang yang menyembah selain Allah sebenarnya sedang menyembah hawa nafsunya.

Adakah maksud “wajjahtu” itu muka kita?

Tidak. Maksudnya hati kita.

Adakah Allah berada di Ka’abah?

Tidak. Allah tidak terpengaruh dengan tempat dan arah.

Antara Allah dengan tempat dan arah, yang mana dulu ada?

Allah, kerana Dia sudah sedia ada. Tentang tempat dan arah pula, pada asalnya kedua-duanya tidak ada. Selepas diciptakan oleh Allah, barulah tempat dan arah ada.

Apa sahaja yang terpengaruh/ada arah... ialah makhluk.

Apa sahaja yang terpengaruh/ada tempat... ialah makhluk.

MAKLUMAN

Anda terlepas kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas? Usah khuatir!

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. *Youtube (taipkan "syarah ihya").*
2. *Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>*
3. *Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.*

Sehingga kini sudah ada **159 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 60 fail video. Selamat mengambil manfaat.

IMBAS KEMBALI KULIAH YANG LEPAS

5 istilah yang sudah lari maksud asalnya :

1. Fiqh
2. Ilmu
3. Tauhid
4. Tazkir (Zikir)
5. Hikmah

Istilah ‘fiqh’ sudah terubah maksudnya kepada penelitian mendalam tentang hukum-hakam, kemahiran mengeluarkan fatwa, kemahiran berdebat dan seumpamanya.

Istilah ‘fiqh’ yang asal ditujukan kepada ilmu jalan akhirat, mengenal penyakit2 jiwa, cintakan akhirat.

Istilah ‘fiqh’ sudah digunakan untuk mendapatkan keuntungan2 keduniaan seperti jawatan, pangkat, nama, harta, pengikut, pengaruh, nama dan lain-lain.

Istilah ‘ilmu’ juga sudah terubah maksudnya. Gelaran ‘ulama diberikan kepada orang-orang yang mahir dalam perdebatan dan soal-soal khilafiah.

Maksud ‘ilmu’ yang sebenar ialah mengetahui tentang Allah SWT.

Istilah ‘tauhid’ juga sudah terubah maksudnya. Gelaran ulama tauhid diberikan kepada para ahli ilmu kalam. Padahal ilmu kalam itu hanyalah untuk menjaga kulit ‘tauhid’, belum isinya.

Tauhid yang sebenarnya ialah memandang hakikat, bukannya kepada perantara. Segala-galanya datang daripada Allah SWT. Antara hasilnya ialah tawakkal dan redha.

